

ANALISIS TEORI RELEVANS DALAM METAFORA

(A Relevance Theory Analysis in Metaphor)

Mary Fatimah Subet
sufatimah@unimas.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Terbit dalam talian (published online): 1 Jun 2018

Sila rujuk: Mary Fatimah Subet. (2018). Analisis teori relevans dalam metafora. *Jurnal Bahasa* 18(1), 159-188.

Abstrak

Kajian ini mengesan gaya bahasa metafora dan menganalisis gaya bahasa untuk mencari makna sebenar. Kajian kualitatif ini menggunakan analisis dokumen berpandukan teori relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson dalam bidang linguistik disiplin pragmatik. Teori ini menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Teori ini menegaskan bahawa tiga konsep ini penting dalam penginterpretasian makna. Lima gaya bahasa metafora daripada lima sajak Usman Awang dijadikan data. Pengkaji juga menggunakan kehadiran baris atau leksikal lain dalam sajak yang merupakan subgagasan dalam teori relevans untuk mengukuhkan lagi penginterpretasian makna. Didapati bahawa aplikasi teori relevans dapat membantu pemahaman makna sebenar. Didapati juga kewujudan leksikal lain sama ada jenis bahasa figuratif atau yang bukan jenis bahasa figuratif juga membantu dalam pengesanan makna sebenar. Baris dan leksikal tersebut berperanan sebagai konsep *ad hoc* yang dibina oleh pendengar untuk mengukuhkan lagi pemahaman mereka. Penginterpretasian makna didapati menjadi lebih mudah dan sah dengan teori relevans.

Kata kunci: metafora, teori relevans, linguistik, pragmatik, bahasa figuratif

Abstract

This research was conducted to identify and analyse metaphors in poems in order to reveal their true meanings. This qualitative study employs relevance theory, a linguistics-based theory proposed by Sperber and Wilson drawn from the discipline of pragmatics. This theory foregrounds three main concepts comprising the role of context, cognitive effects and processing efforts. This theory stresses that all these three concepts are vital and should be taken into consideration in the interpretation of meaning. Five lines of metaphors from five poems written by Usman Awang (UA) were selected as data. Text analysis was then carried out in stages based on the three main concepts mentioned. Besides these three main concepts and the five main metaphors explored, the researcher also utilised the existence of figurative expressions, non-figurative expressions and other lexical items to further strengthen interpretation. It was found that the application of Relevance Theory was helpful in understanding the actual meaning. The study also reveals that the existence of the various figurative expressions alongside the five main data explored, the non-figurative expressions and other lexical items are also helpful in decoding meanings. These serve as ad-hoc concepts reasoned out by readers/listeners to understand the meaning of lines and lexical items. Relevance theory is found to facilitate the interpretation of meaning with greater ease and validity.

Keywords: metaphor, relevance theory, linguistics, pragmatics, figurative languages.

PENGENALAN

Di Malaysia, terdapat beberapa kajian yang menerapkan teori relevans (TR) dalam analisis terhadap bahasa figuratif (BF). Walau bagaimanapun BF yang dikaji bukanlah daripada genre sajak. Kajian banyak berpusat pada genre novel, cerpen, majalah humor, tatabahasa dan istilah antaranya termasuklah Salmah (1999), Maslida (1999a, 1999b), Muhammad Fauzi (2003), Hasmidar (2006), dan Mary Fatimah (2013, 2014, 2015, 2017).

Metafora ialah perbandingan secara langsung sesuatu unsur dengan sesuatu unsur yang lain secara terus tanpa menggunakan kata-kata perbandingan yang ditemui dalam simile seperti laksana, bak, bagai, macam, ibarat, umpama, se... dan seperti. Metafora juga mengemukakan perbandingan antara unsur yang konkrit dan abstrak.

BF metafora banyak menarik perhatian pengkaji dalam bidang linguistik, falsafah dan psikologi. Namun begitu, setiap bidang yang mengkaji metafora ini dilihat dari sudut dimensi yang berbeza. Hal ini dikemukakan oleh Tendahl dan Gibbs (2008, p.1823) seperti di bawah:

Teori-teori kontemporari tentang metafora berbeza dalam banyak dimensi, bergantung pada disiplin asal metafora (contoh, linguistik, psikologi, falsafah), dan sama ada teori-teori berkenaan dihasilkan dalam kerangka kognitif atau pragmatik.

Selain itu, kajian tentang BF metafora dalam bidang linguistik, pragmatik juga turut dilakukan. Misalnya oleh Carston *Metaphor, ad hoc concepts and word meaning – more questions than answers* (2002). Dalam bidang psikologi seperti kajian yang dihasilkan oleh Kovecses yang bertajuk *Metaphor and emotion – language, culture, and body in human feeling* (2007).

Kajian tentang BF metafora menarik kerana sangat sering digunakan dalam pertuturan dan juga penulisan. Biasanya, metafora digunakan untuk tujuan menyampaikan sesuatu maksud secara berlapis. Hal ini sejajar dengan pandangan Carroll (2008, pp. 143 -144):

Kenapa kita memilih untuk menggunakan metafora berbanding dengan pernyataan yang literal untuk meluahkan fikiran kita? Ortony (1975) telah mencadangkan bahawa metafora biasanya dikomunikasikan secara terus sebagai informasi yang berkaitan dengan pengalaman, terutama sekali informasi/maklumat yang sukar atau tidak dapat diluahkan ... penggunaan metafora merupakan satu percubaan untuk mengisi ruang dengan meluaskan makna beberapa perkataan ...

Berdasarkan pandangan di atas, pengkaji tertarik dengan ayat ... *by extending the meaning of various words.../dengan meluaskan makna beberapa perkataan*". Di sinilah metafora itu dapat dikaji menggunakan TR. TR ada konsep *ad hoc* peluasan yang membolehkan peluasan dilakukan terhadap makna perkataan yang hendak dikaji itu.

Selain itu, pengkaji juga tertarik untuk mengkaji BF metafora kerana pandangan Nor Hashimah (1992, p. 27) yang berikut:

Metafora – ujaran yang menggunakan metafora memerlukan penginterpretasian secara implisit bagi mendapatkan makna sebagaimana yang dihajati oleh si penutur.

Oleh itu, kajian ini juga berusaha meneliti BF metafora dari sudut pragmatik dengan menggunakan kerangka TR.

KERANGKA TEORI, DATA DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan TR kerana menurut pengasas teori ini, iaitu Sperber dan Wilson (1986), BF seperti metafora, ironi dan hiperbola yang jelas sekali melanggar maksim kerjasama Grice dalam kaedah implikaturinya, ternyata tidak pernah gagal dalam menyampaikan mesej. Menurut mereka, mesej yang dikemukakan secara tersirat melalui penggunaan BF ini lebih berkesan tanpa menyinggung perasaan orang yang mendengar. Selain itu, dalam “*Meaning and Relevance*”, Sperber dan Wilson (2012) menyatakan bahawa apabila orang bercakap, mereka tidak sepenuhnya menyampaikan makna sebenar yang mereka maksudkan. Konteks memainkan peranan. Menurut mereka konteks biasanya dapat disesuaikan dengan pelbagai interpretasi makna yang hendak disampaikan. Bagi mereka, pemahaman terhadap sesuatu ujaran ialah satu proses inferens yang mempunyai jangkauan makna yang luas. Bagaimanakah pemahaman ini dapat dicapai? TR yang mementingkan kewujudan konteks dalam interpretasi makna dapat menyelesaikan masalah makna yang taksa.

Pandangan ini selaras dengan beberapa kajian yang dilakukan oleh Wilkinson dan Winstedt (1957), Hooykaas (1965), Darus (1974), Emeis (1975), Mohd. Taib (1981), Asmah (1991), Nor Hashimah (1991, 1992, 1995), Tan (1994), dan Jamaliah (1995) terhadap masyarakat Melayu yang banyak menggunakan kiasan dalam pertuturan. Mereka malu untuk meluahkan perasaan, dan sering berselindung dalam percakapan. Jika bercakap secara langsung atau berterus-terang dikhuatiri akan menyinggung perasaan orang lain. Kajian yang dilaksanakan terhadap Masyarakat Melayu dikatakan banyak mengemukakan bahasa kiasan dalam pertuturan mereka seperti melalui penggunaan peribahasa dan pantun. Dapatan kajian menunjukkan walaupun cuma berkias ibarat, maksud yang hendak disampaikan oleh penutur difahami oleh pendengarnya.

Selain TR, kajian tentang makna tersirat juga banyak dilakukan dengan pendekatan semantik inkuisitif yang dipelopori oleh Nor Hashimah (2014). Antara kajian yang melibatkan semantik inkuisitif ini termasuklah kajian Nor

Hashimah (2014), Suriati & Nor Hashimah (2015), Julaini & Nor Hashimah (2015), Nur Afifah & Nor Hashimah (2016), dan Julaini, Nor Hashimah & Wan Nurasikin (2016), Maizura & Nor Hashimah (2018) dan banyak lagi. Oleh sebab itulah, bersandarkan pandangan Sperber dan Wilson ini (1986, 2012), dan beberapa kajian berkaitan yang dilakukan di Malaysia, pengkaji berpendapat BF daripada genre sajak yang mengandungi makna implisit sesuai dikaji sama ada dengan pendekatan TR ataupun semantik inkuisitif ini. Makalah ini akan memfokuskan penganalisan makna tersirat dalam metafora dengan pendekatan TR. Kajian ini menggabungkan pendekatan dalam mengesan makna sebenar yang dihajati dengan menggunakan kaedah penentuan eksplikatur, bentuk logik, pengesanan implikatur, andaian implikatur, dan kesimpulan implikatur. Konsep *ad hoc* dan rangka rujuk silang juga diaplikasikan sehingga makna yang dihajati melalui ujaran yang berbahasa figuratif dapat dikesan.

Data kajian ialah unsur bahasa metafora daripada lima sajak UA seperti yang dikemukakan di bawah:

Bil. Data	SAJAK	METAFORA
1.	Mata Ayah	Kolam-kolam derita
2.	Gadis Kecil	Mengawal Ombak Emosiku
3.	Perpustakaan	Pelabuhan Kebudayaan Peradaban Zaman
4.	Guru O Guru	Budi Yang Diapungkan di Dulang Ilmu
5.	Kasih dan Rindu	Alangkah Sunyinya Taman Hati Ini

Kajian menggunakan kehadiran baris lain atau leksikal lain dalam sajak yang sama sebagai sumber pengayaan atau rujukan untuk mengukuhkan lagi penginterpretasian makna tersirat. Hal ini dibenarkan dalam TR kerana adanya konsep *ad hoc* dan rangka rujuk silang (RRS). Kewujudan leksikal lain dalam baris puisi ini sama ada daripada jenis BF yang sama atau yang bukan daripada jenis BF juga membantu pemahaman ujaran sebenar yang hendak disampaikan (*what is implied/apa yang diimpikasikan/dimaksudkan sebenarnya*). Baris dan leksikal tersebut dapat berperanan sebagai konsep tambahan atau konsep *ad hoc* yang dibina oleh pendengar untuk mengukuhkan lagi pemahaman mereka. Penginterpretasian makna menjadi lebih mudah apabila TR membenarkan penggunaan konsep *ad hoc* ini. Terdapat dua konsep *ad hoc* dalam TR. Konsep tersebut ialah *ad hoc* peluasan dan *ad hoc* penyempitan. Hal ini selaras dengan pandangan yang dikemukakan oleh Wilson dan Carston (2007, p. 2-3):

... adalah dicadangkan bahawa dapatan daripada aplikasi konsep *ad hoc* boleh didapati sama ada secara penyempitan atau peluasan terhadap makna linguistik yang spesifik, iaitu konsep yang dikomunikasikan boleh lebih spesifik atau lebih umum sifatnya berbanding dengan konsep yang dikodkan. Ini memberi ruang kepada kebarangkalian penyempitan dan peluasan leksikal (atau gabungan kedua-duanya) ialah hasil daripada proses interpretasi tunggal yang akhirnya boleh dihalusi atau dikembangkan lagi untuk mencari interpretasi makna untuk kesemua perkataan.

(Wilson & Carston, 2007, p. 2-3)

Oleh itu, untuk mencari makna tersirat sajak UA, pengkaji berpendapat sama ada konsep *ad hoc* peluasan ataupun *ad hoc* penyempitan, kedua-duanya membantu penginterpretasian makna menjadi semakin mudah. Konsep ini memberikan tumpuan pada kehadiran leksikal dalam apa-apa bentuk yang dapat diinterpretasikan. Dalam konteks kajian ini, bentuk yang dimaksudkan ialah penggunaan BF dalam bentuk metafora. Selain itu, termasuk juga bentuk kiasan yang lain dan perlambangan ataupun ujaran yang tidak literal. Semua ini akan dapat dikesan dengan aplikasi RRS. Pendek kata, perkataan yang bukan daripada kategori BF namun menyumbang kepada interpretasi makna dilakukan dengan mudah juga diambil kira. Oleh itu, pragmatik leksikal sangat berperanan. Hal ini selaras dengan pandangan Wilson dan Carston "... kebanyakan pendekatan terkini terhadap pragmatik leksikal juga bersetuju bahawa penyempitan dan/atau peluasan menyumbang ke arah penemuan ujaran yang sebenarnya (apa-apa yang tersirat dan tersurat), termasuklah apa-apa yang diimplikasikan" (2007, p. 3).

Kewujudan leksikal berkenaan akan dimanipulasikan dalam penginterpretasian makna BF yang dijalankan berdasarkan acuan TR. Leksikal pragmatik dalam linguistik mengkaji proses perubahan maksud perkataan daripada definisi asalnya melalui penggunaannya. Kajian ini mengemukakan beberapa contoh untuk menjelaskan perkara ini. Salah satu contoh perkataan yang dapat dilihat mengandungi ciri leksikal pragmatik ini ialah kata *room* dalam bahasa Inggeris. Walaupun *room* asalnya bermaksud bilik, definisinya boleh berubah bergantung pada cara perkataan tersebut digunakan. Contohnya, ayat *I need room for myself* menunjukkan perkataan *room* tersebut bermaksud bersendirian. Dalam ayat penuh, *I need room for myself* boleh membawa maksud "Saya perlu ruang/masa untuk bersendirian/ saya rimas" atau boleh juga mengimplikasikan makna ini *leave me alone/ jangan ganggu saya*, dan bukanlah maksud ini "saya perlu sebuah bilik", iaitu maknanya secara literal. Contoh yang kedua ialah perkataan *drink* dalam

bahasa Inggeris. Walaupun *drink* asalnya bermaksud minum, definisinya juga boleh berubah bergantung pada cara perkataan tersebut digunakan dan konteksnya. Misalnya dalam konteks budaya Barat, contoh ayat *I need a drink* menunjukkan perkataan *drink* tersebut bermaksud minum arak. Dalam ayat penuh, *I need a drink* boleh membawa maksud “Saya perlu minum arak”. Bukan setakat bermaksud literal “saya perlu minum”. Kedua-dua maksud *room* dan *drink* dalam TR akan mengambil kira konteks penggunaannya dan juga budaya. Dalam erti kata yang lebih mudah, setiap perkataan yang digunakan dalam bahasa harian tidak semestinya membawa maksud asalnya, tetapi maksud yang lain, bergantung pada penggunaannya. Oleh sebab itulah, leksikal pragmatik merupakan suatu subtopik pragmatik yang kian harinya mengembang. Hal ini dapat dilihat pada peningkatan dalam bukti perubahan maksud perkataan ini yang berlaku secara automatik dan perkataan jarang membawa maksud asalnya.

Leksikal yang wujud dalam BF akan membantu penginterpretasian makna menjadi lebih mudah. Leksikal ini juga boleh digunakan untuk menentukan konteks. Oleh sebab itulah, kepentingan kehadiran baris lain atau leksikal lain dalam sajak, sama ada daripada jenis BF atau bukan daripada jenis BF, akan dilihat. Dengan penginterpretasian makna menjadi lebih mudah, maka secara tidak langsung kos memproses makna tersebut juga rendah. Keadaan ini memenuhi tuntutan TR, iaitu semakin rendah usaha memproses sesuatu ujaran itu maka semakin relevanlah ujaran berkenaan.

Carston (1996) mengatakan bahawa pendengar akan mengekodkan konsep yang dikodkan oleh leksikal, dan cuba mencari dan mendapatkan ciri-ciri logik dan ensiklopedia yang tertentu. Pendengar menganggap ujaran ini sebagai panduan kasar bagi mencapai hajat yang ingin disampaikan oleh penutur. Kesannya, pendengar akan membuat pilihan berdasarkan ciri-ciri yang diperolehi, menggugurkan mana-mana input yang tidak relevan dalam konteks tersebut dan menerima input yang relevan sebagai gambaran pendapat penutur. Selain itu, Carston (2002, p. 15) juga menyatakan bahawa “... *It is widely observed that there is often a divergence between what a person says and what she means, ...*” . Kenyataan Carston ini antara lain bermaksud bahawa terdapat pelbagai makna daripada sesuatu ujaran dalam komunikasi, makna yang diungkapkan tidak semestinya sama dengan makna yang dikehendaki. Oleh sebab itulah, dalam sajak UA, baris yang dirasakan relevan turut digunakan untuk menambah maklumat sedia ada yang diperolehi melalui andaian yang dibuat kerana TR juga membenarkan interpretasi terhadap ujaran literal yang bukan daripada jenis BF untuk membantu

dalam penginterpretasian makna sebenar. Hal ini selaras dengan pandangan Wilson dan Carston (2007, p. 3) yang mengatakan "... konsep *ad hoc* yang terhasil daripada proses interpretasi pragmatik terhadap perkataan secara sendirinya dan frasa (bahasa kiasan) dilihat sebagai satu proposisi konstituen yang merupakan makna sebenar yang hendak diujarkan oleh penutur ...".

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Data 1: Analisis TR dalam BF Metafora "Kolam-kolam Derita ", (Sajak "Mata Ayah")

Analisis pragmatik sebelum ini menurut Maizura dan Nor Hashimah (2018) terbatas pada analisis pragmatik leksikal. Pragmatik leksikal telah dibicarakan di atas. Walau bagaimanapun, dalam kajian Maizura dan Nor Hashimah, (2018), data yang dianalisis melangkaui tahap leksikal dan berbentuk frasa. Oleh itu, mereka mengkatégorikan data yang melangkaui tahap leksikal ini sebagai pragmatik frasa. Menurut Maizura dan Nor Hashimah (2018), pragmatik frasa memberikan penekanan terhadap konteks wacana yang membantu proses interpretasi dengan lebih mudah dan terarah. Kajian ini akan melihat kehadiran maklumat lain atau konteks wacana dalam sajak berkenaan untuk membantu interpretasi makna.

Data metafora yang dianalisis hadir dalam bentuk frasa, dan analisis data dilakukan melangkaui makna leksikal. Di sinilah konsep *ad hoc* dan RRS yang dibenarkan dalam TR memainkan peranannya untuk memudahkan pentafsiran makna. Kajian Maizura Osman dan Nor Hashimah (2018), mengemukakan maklumat *ad hoc* dan rangka rujuk silang (RRS) untuk menganalisis data metafora dalam mitos peminangan Puteri Gunung Ledang. Data metafora yang mereka kutip daripada mitos peminangan Puteri Gunung Ledang dikemukakan sebagai eksplikatur, dan dari situ dikemukakan pula bentuk logik eksplikatur tersebut, sebelum analisis makna implisit mengambil tempat dengan menggunakan konsep *ad hoc* dan RRS. Kajian ini juga menerapkan eksplikatur dan bentuk logik dalam setiap data metafora yang dianalisis sebelum mengemukakan andaian berdasarkan konteks dan tahap kognitif pengkaji.

Dalam kajian Maizura dan Nor Hashimah (2018), analisis makna implisit yang bermula dengan penentuan eksplikatur dan bentuk logik dilanjutkan kepada pengesanan implikatur daripada maklumat eksplikatur yang diperoleh daripada maklumat ensiklopedia pendengar. Cara analisis makna implisit yang dihajati dalam kajian ini juga menggunakan pendekatan yang sama,

iaitu langkah pertama dengan penentuan eksplikatur dan bentuk logik, dan kemudian disusuli dengan langkah mengesan implikatur dalam eksplikatur berkenaan, membuat andaian terhadap implikatur berkenaan dan seterusnya membuat kesimpulan untuk melengkapkan pencarian makna implisit.

Perhatikan analisis data (1) (rujuk Lampiran), metafora “kolam-kolam derita” daripada sajak “Mata Ayah” oleh Usman Awang (UA). Sebelum itu, pengkaji meletakkan data (1) ini, iaitu “kolam-kolam derita” bawah BF metafora. Frasa ini dikategorikan sebagai metafora kerana wujudnya leksikal “kolam-kolam” yang mengambil sifat konkrit dan digabungkan dengan perkataan “derita” yang mengambil sifat abstrak. Gabungan abstrak dan konkrit ini meletakkan baris ini sebagai BF metafora yang berbentuk frasa tadi. Metafora ini dianalisis dengan menggunakan konsep eksplikatur dan bentuk logik seperti yang diaplikasikan oleh Maizura dan Nor Hashimah (2018) dalam kajian mereka. Yang berikut ialah dapatan data (1).

Analisis TR		
Eksplikatur:kolam-kolam derita		Bentuk Logik: <u>kolam-kolam</u> - lubang (lekuk) di tanah yang berisi air; <u>derita</u> - kesusahan (kesakitan, keseksaan) dan sebagainya <i>(Kamus Dewan, 2015)</i>
Implikatur	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur
derita	perasaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kesusahan dan kesengsaraan dalam kehidupan. 2. Keperitan dan kepayahan. 3. Berhempas pulas mencari rezeki. 4. Penderitaan yang tiada penghujung.

Analisis eksplikatur berkenaan memaparkan bentuk logik yang dapat dikesan apabila melihat perkataan kolam itu sebagai lubang atau lekuk tanah yang berisi air, tidak kira besar atau kecil dan biasanya mempunyai tahap kedalaman yang berbeza. Namun begitu, seperti yang ditekankan, bentuk logik ini sahaja tidak mampu memberikan makna yang sebenarnya. Bentuk logik dalam data (1) ini hanya memaparkan makna literal setakat permukaan sahaja. Hal ini selaras dengan TR yang mengatakan bahawa makna sebenar juga tidak semestinya diperoleh daripada bentuk logik. Bentuk logik ini boleh dikukuhkan lagi dengan pelbagai cara, misalnya

melalui maklumat ensiklopedik pendengar. Maklumat ensiklopedik atau pengetahuan umum ini menurut Carston (2002) dalam Maizura dan Nor Hashimah (2018) mengandungi pelbagai jenis maklumat, termasuk andaian lazim, informasi saintifik, kepercayaan dan kebudayaan, pemerhatian, dan pengalaman peribadi seseorang.

Kajian ini mengemukakan konteks sebagai kewujudan seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Andaian berkenaan, menurut Sperber dan Wilson (1986), boleh melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan agama, kenangan lucu, budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran penutur. Dalam TR, konteks dirujuk dengan tiga cara, iaitu melalui ujaran terdahulu (dalam wacana yang menghasilkan ujaran itu), kedua dengan cara merujuk apa-apa sahaja yang berlaku di sekitar manusia dan ketiga melalui catatan ensiklopedia yang terdapat dalam memori seseorang yang dapat dirujuk apabila kata-kata itu timbul dalam ujaran (proposisi).

Kata “derita” mengandungi makna implisit. Dalam pragmatik makna implisit ini dikenali juga sebagai implikatur. Dengan keupayaan kognitif pendengar, dan maklumat ensiklopedik yang ada, pendengar boleh mengaitkan kata “derita” ini dengan perasaan. Perasaan derita ini dapat dikesan dengan mengemukakan beberapa andaian terhadap implikatur ini. Dengan kemampuan kognitif yang ada, beberapa andaian implikatur “derita” dapat dikemukakan seperti kesusahan, kesakitan, keseksaan dan sebagainya seperti yang dikemukakan di atas. Jadi apabila kajian ini menggabungkan kata “kolam-kolam” yang bersifat konkrit dengan perkataan “derita” yang bersifat abstrak, pengkaji dapat mengandaikan secara permukaan sahaja makna eksplikatur ini. Oleh itu, untuk analisis data (1) ini, pengkaji perlu membuat andaian awal dan mendapati bahawa bukan setakat derita yang diungkapkan tetapi derita yang menjangkau lebih daripada itu. Di sinilah konsep *ad hoc* memainkan peranannya. Namun begitu, pengkaji perlu melakukan analisis TR untuk mencari makna tersirat ini. Oleh itu, analisis TR membenarkan pengkaji mengemukakan kemungkinan andaian seperti di atas. Andaian-andaian ini dikemukakan berdasarkan konteks dan tahap kemampuan kognitif pengkaji. Andaian ini didapati tinggi kesahannya kerana eksplikatur “derita” tadi mengandungi implikatur. Andaian implikatur yang dikemukakan di atas sudah mampu memberikan makna sebenar bentuk logik eksplikatur data (1) ini. TR membenarkan penghasilan satu set proposisi dalam ujaran. Set proposisi ini ada yang dilahirkan secara langsung melalui makna perkataan yang digunakan (leksikal) dan sebahagian lagi dihasilkan secara tidak langsung dan diperoleh

maklumatnya melalui kesimpulan yang dibuat berdasarkan fakta atau asas tertentu. Penderitaan yang dirasai sangat perit ekoran kesusahan, kesukaran dan kesengsaraan dalam kehidupan dan semua ini tersembunyi di dalam hati, dan telah dapat dikesan melalui analisis TR. Pengkaji seterusnya mendapati data (1) ini sangat tinggi kesahannya kerana tidak memerlukan kos memproses yang tinggi. Dalam TR, semakin rendah usaha memproses sesuatu ujaran itu, maka semakin tinggilah kesahan ujaran itu.

Data 2: Analisis TR dalam BF Metafora “Mengawal Ombak Emosiku”, (Sajak “Gadis Kecil”

Dalam data (2) ini (sila rujuk Lampiran), iaitu “mengawal ombak emosiku”, frasa “ombak emosiku” diletakkan dalam BF metafora kerana kewujudan perkataan ombak yang bersifat konkrit dan digabungkan dengan perkataan “emosi” yang bersifat abstrak. BF metafora ini digunakan untuk memerihalkan keadaan emosi yang dialami oleh UA. Data (2) ini menunjukkan persamaan dengan data (1) yang mengetengahkan keadaan perasaan atau hati, cuma dalam konteks data (2) ini, perasaan dan hati itu bergelora seperti ombak. Dengan keupayaan kognitif dan maklumat ensiklopedik yang ada pada pendengar, didapati bahawa apabila adanya penggunaan perkataan *ombak* untuk menggambarkan keadaan perasaan atau emosi, hal ini menunjukkan bahawa emosi atau perasaan seseorang itu tidak tenteram dan berasa amat risau. Maklumat ini dalam TR dikategorikan sebagai maklumat ensiklopedik.

Sebelum melakukan analisis TR, terlebih dahulu diberikan makna sajak ini untuk mendapatkan kesan keseluruhan. Dalam TR, pengetahuan sedia ada perlu untuk menghampiri makna yang hendak dikemukakan bertujuan untuk melakukan pengembangan konteks yang diperlukan untuk menginterpretasikan makna sebenar.

Pengkaji mendapati sajak “Gadis Kecil” ini mengisahkan kekaguman seorang lelaki (UA) terhadap seorang gadis kecil yang sering mengunjungi ayahnya seorang banduan di sebuah penjara. “Gadis Kecil” ini pada pengamatan UA merupakan seorang gadis yang telah didewasakan oleh kehidupannya. “Gadis Kecil” ini sangat tabah mengharungi hidup, berbeza dengan masyarakat di sekitarnya. Dia sering mendambakan kebahagiaan dalam kehidupannya. Dia tidak pernah menunjukkan masalah, kepedihan dan kesedihan yang dialaminya. UA melihat gadis kecil ini sebagai seorang yang mampu berdikari apabila menolak wang pemberiannya. Di situlah UA mendapati bahawa bukan wang yang diperlukan oleh gadis kecil itu tetapi buku dan kertas. Jelaslah hal ini menunjukkan bahawa walaupun dalam keadaan kehidupan yang sempit,

tanpa ayah, gadis kecil ini tetap mahu mendapatkan ilmu. UA menyatakan simpatinya terhadap gadis kecil ini tetapi sebaliknya yang berlaku apabila gadis kecil itu menasihati UA agar jangan bersedih melihat penderitaannya. UA kagum dengan kekentalan jiwa gadis kecil tersebut.

Analisis TR yang dilakukan memaparkan eksplikatur, bentuk logik, implikatur, andaian implikatur dan kesimpulan implikatur seperti berikut:

Analisis TR		
Eksplikatur: ombak emosiku		<p>Bentuk Logik: <u>Ombak</u> - gerakan air yg turun naik atau bergulung-gulung, gelombang kecil:</p> <p><u>Emosi</u> - perasaan jiwa yg kuat, spt sedih, gembira, takut, dll:</p> <p><u>Ku</u>- singkatan bagi aku</p> <p>(<i>Kamus Elektronik, Dewan Eja Pro, 2009</i>)</p>
Implikatur	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur
ombak emosi	perasaan yang pasang-surut	<ol style="list-style-type: none"> 1. Emosi yang tidak menentu. 2. Sedih dan sayu, malu. 3. Kagum, tabah dan berani.

Seperti analisis data (1), analisis data (2) ini juga bermula dengan penentuan eksplikatur dan juga bentuk logik eksplikatur berkenaan. Analisis eksplikatur berkenaan memaparkan bentuk logik yang dapat dikesan apabila melihat perkataan “ombak” sebagai gerakan air yang turun naik atau bergulung-gulung, gelombang kecil, dan “emosi” sebagai perasaan jiwa yang kuat, seperti sedih, gembira, takut, dan lain-lain. Namun begitu, seperti yang ditekankan, bentuk logik ini sahaja tidak mampu memberikan maknanya yang sebenar. Bentuk logik dalam data (2) ini hanya memaparkan makna literal pada permukaan sahaja. Hal ini adalah selaras dengan TR yang menyatakan bahawa makna sebenar juga tidak semestinya diperoleh daripada bentuk logik. Bentuk logik ini boleh dikukuhkan lagi dengan pelbagai cara, misalnya melalui maklumat ensiklopedik pendengar. Eksplikatur “ombak emosiku” mengandungi maklumat implisit atau implikatur. Makna implikatur ini dapat diterokai dengan mengemukakan andaian-andaian awal di atas. Andaian awal di atas telah dapat dikukuhkan dengan aplikasi analisis RRS dalam TR. RRS

dapat mengesan kehadiran maklumat baharu dalam baris-baris berikut seperti “jangan sedih melihat derita pahitnya; alangkah malunya hati seorang lelaki dewasa; yang mahu membela manusia derita terpenjara; menerima nasihat supaya tabah dan berani, dari anak penghuni penjara sendiri?” (sila rujuk Lampiran). Kewujudan kata “derita” dalam maklumat baharu berkenaan mengukuhkan lagi makna yang dihajati di samping dapat dikesan kehadiran maklumat baharu ini mengukuhkan lagi konteks sedia ada. Hal ini sejajar dengan TR yang membenarkan kita melakukan proses penguatan, iaitu andaian awal tadi dapat dikuatkan dengan maklumat baharu yang dikemukakan. Maka, dengan melakukan analisis RRS, dan melihat kepada ujaran lain yang boleh membantu dalam interpretasi makna, akhirnya, eksplikatur “ombak emosi” mengandungi implikatur yang dikesan maknanya seperti dikemukakan di atas.

Data 3: Analisis TR dalam BF Metafora “Pelabuhan Kebudayaan Peradaban Zaman”, (Sajak “Perpustakaan”)

Data (3) ini (rujuk Lampiran) ialah BF metafora kerana wujudnya perkataan yang bersifat konkrit, iaitu “pelabuhan” yang digabungkan dengan perkataan yang bersifat abstrak, iaitu “kebudayaan”.

Sebelum aplikasi TR dilakukan, eksplikatur dan makna bentuk logik data (3) ini mengemukakan maklumat yang berikut.

Bil.	Eksplikatur	Bentuk Logik
(3)	Pelabuhan kebudayaan peradaban zaman	<u>Pelabuhan</u> - tempat kapal berlabuh, persinggahan kapal, pangkalan kapal; <u>kebudayaan</u> - keseluruhan cara hidup (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir) serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban, kemajuan (akal budi); <u>peradaban</u> - keadaan serta tingkat kemajuan pada kehidupan jasmani dan rohani (sesuatu bangsa, masyarakat dan sebagainya), tamadun; <u>zaman</u> - jangka masa (sama ada panjang atau pendek), tempoh atau jangka masa tertentu (yang ada sesuatu keistimewaannya atau pertaliannya), masa. (Kamus Elektronik, Dewan Eja Pro, 2009)

Bentuk logik di atas masih belum mampu memberikan makna yang sebenarnya. Aplikasi TR yang dilakukan memaparkan penemuan berikut setelah dikaitkan juga dengan tajuk sajak ini, iaitu “Perpustakaan” (sila rujuk Lampiran):

Analisis TR		
Eksplikatur: Pelabuhan kebudayaan peradaban zaman	Bentuk Logik: <u>Pelabuhan</u> - tempat kapal berlabuh, persinggahan kapal, pangkalan kapal; <u>kebudayaan</u> - keseluruhan cara hidup (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir) serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban, kemajuan (akal budi); <u>peradaban</u> -keadaan serta tingkat kemajuan pada kehidupan jasmani dan rohani (sesuatu bangsa, masyarakat dan sebagainya), tamadun; <u>zaman</u> - jangka masa (sama ada panjang atau pendek), tempoh atau jangka masa tertentu (yang ada sesuatu keistimewaannya atau pertaliannya), masa. <i>(Kamus Elektronik, Dewan Eja Pro, 2009)</i>	
Implikatur	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur
Peradaban Zaman	Perpustakaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tempat pertemuan pelbagai masyarakat dunia. 2. Pelbagai masyarakat dunia ini membawa, meningkatkan ilmu tentang budaya orang lain. 3. Hormat pelbagai budaya masing-masing. 4. Tempat mengetahui budaya masyarakat dunia. 5. Bertukar-tukar pengetahuan tentang budaya. 6. Ada budaya yang sama dan ada budaya yang berbeza. 7. Menghormati, sensitif, apresiasi, menghargai, kagum, dan rasa ingin tahu tentang budaya orang lain.

Eksplikatur “pelabuhan kebudayaan peradaban zaman” mengandung implikatur melalui kewujudan frasa “peradaban zaman”. Seperti analisis data (1) dan analisis data (2), analisis data (3) ini juga bermula dengan penentuan eksplikatur dan juga bentuk logik eksplikatur berkenaan. Analisis eksplikatur berkenaan memaparkan bentuk logik yang dapat dikesan seperti di atas. Namun begitu, bentuk logik ini sahaja tidak mampu memberikan maknanya yang sebenar, seperti yang ditekankan. Makna literal memaparkan setakat permukaan sahaja. TR mengatakan bahawa makna sebenar juga tidak semestinya diperoleh daripada bentuk logik kerana bentuk logik ini boleh dikukuhkan lagi dengan pelbagai cara, misalnya melalui maklumat ensiklopedik pendengar. Maka, eksplikatur yang dikemukakan di atas mengandungi maklumat implisit atau implikatur. Makna implikatur ini dapat diterokai dengan keupayaan kognitif dan maklumat ensiklopedik yang ada pada pendengar. Kajian ini mengemukakan andaian implikatur yang terdapat dalam kata “perpustakaan” seperti di atas. Jelas bahawa kesimpulan implikatur yang hendak dikemukakan ialah perpustakaan merupakan tempat menyimpan maklumat dan khazanah budaya masyarakat dunia ataupun maklumat tentang budaya masyarakat dunia ini boleh didapati di perpustakaan. Pengkaji juga mendapati melalui RRS, andaian-andaian di atas dapat dikukuhkan lagi dengan kehadiran leksikal “perpustakaan” dan “pelabuhan” itu sendiri yang membolehkan pengkaji melakukan konsep peluasan terhadap leksikal-leksikal ini. Kata “pelabuhan” diluaskan konsepnya sehingga mampu membawa makna “perpustakaan”. Seterusnya, pengkaji mengemukakan bahawa perpustakaan jelas membawa maksud tempat menyimpan atau mengumpul buku-buku untuk bacaan dan rujukan awam. Selain itu, di perpustakaan jugalah tempat proses menelaah ilmu dan meneliti ilmu berlangsung. Di perpustakaan jugalah perasaan ingin tahu berlaku, proses membaca berlaku dan proses menambah ilmu pengetahuan juga berlaku. Sesiapa yang melakukan kajian tentang budaya, akan pasti mendapatkan maklumat di perpustakaan. Peluasan terhadap leksikal perpustakaan ini adalah selaras dengan konsep *ad hoc* peluasan yang disarankan dalam TR. Oleh itu, pengkaji akhirnya mendapati sajak “Perpustakaan” ini menjadi lebih bermanifestasi maksudnya apabila aplikasi TR dilakukan. Begitu juga dengan leksikal “pelabuhan” dapat diluaskan lagi pengertiannya daripada makna perkamusannya yang hanya membawa makna tempat kapal berlabuh. Jadi, apabila melibatkan kapal, maknanya akan terdapat banyak kapal dari seluruh pelusok dunia berlabuh di situ. Di sinilah dikemukakan andaian masyarakat berbilang bangsa tadi. Leksikal “pelabuhan” ini juga dapat

dilakukan peluasannya dan turut merupakan leksikal yang bermanifestasi. Maka, melalui konsep *ad hoc* peluasan, makna kontekstual kata “pelabuhan” juga membawa makna perpustakaan. Sesuatu yang bermanifestasi (ujaran/perkataan) akan membantu proses interpretasi makna menjadi lebih mudah. Dalam TR, ujaran yang bermanifestasi tidak memerlukan kos memproses yang tinggi. Jadi, jelaslah data (3) ini, iaitu “pelabuhan kebudayaan peradaban zaman” mengungkapkannya perkara-perkara di atas.

Selain itu, dengan aplikasi RRS, pengkaji juga mendapati bahawa kehadiran maklumat baharu dalam sajak ini turut membantu dalam interpretasi makna. Maklumat ini ialah “gedung akal laut bicara manusia”. Kajian ini juga mendapati bahawa maklumat baharu ini juga mengandungi BF metafora, iaitu “gedung akal” dan “laut bicara”. Maklumat ini ialah BF metafora kerana “gedung” bersifat konkrit sementara “akal” bersifat abstrak” dan begitu juga “laut” yang bersifat konkrit dan “bicara” yang bersifat abstrak. Kata “akal” dan “bicara” dapat dikaitkan dengan “ilmu” melalui maklumat ensiklopedik yang ada pada pendengar.

Maklumat baharu ini yang diperolehi melalui RRS, iaitu dengan melihat ujaran yang terdahulu atau selepasnya juga boleh dilakukan interpretasinya tersendiri untuk mencari andaian-andaian yang boleh mengukuhkan lagi andaian di atas. Oleh itu, analisis TR yang dilakukan pengkaji terhadap maklumat ini memaparkan hal berikut:

Analisis TR		
Maklumat Baharu: “gedung akal laut bicara manusia”		
Implikatur	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur
(1) gedung (2) laut	tempat simpanan; stor luas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tempat menyimpan pelbagai maklumat tentang budaya. 2. Bertukar-tukar fikiran tentang budaya masing-masing. 3. Topik tentang budaya dibicarakan secara meluas 4. Bertukar-tukar pandangan tentang pelbagai budaya.

Kajian mengemukakan “gedung” dan “laut” sebagai implikatur. Maklumat ensiklopedik pendengar mampu mengaitkan kata “gedung”

sebagai tempat simpanan dan kata “laut” sebagai sesuatu yang luas. Maka, dengan keupayaan kognitif, frasa “gedung akal laut bicara manusia” diandaikan maknanya sebagai tempat atau stor yang luas dan digunakan untuk menyimpan pelbagai khazanah ilmu perihal kebudayaan masyarakat dunia. Oleh itu, kesimpulan implikatur mengemukakan andaian di atas dan didapati andaian tetap mengarah kepada satu pengertian yang sama. Dalam TR, makna sebenar juga boleh ditemui melalui inferens yang dilakukan. Menurut Nor Hashimah (2003):

... makna yang hendak disampaikan tidak semestinya dihasilkan daripada makna yang harfiah, Penutur perlu menghasilkan satu set proposisi dalam ujarannya. Sebahagiannya dilahirkan secara langsung melalui makna perkataan-perkataan yang digunakan dan sebahagian lagi dihasilkan secara tidak langsung dan diperoleh maklumatnya melalui inferens. Proposisi bukan setakat bentuk abstrak untuk menentukan kebenaran dan ketidakbenaran ujaran, malah proposisi juga merupakan konsep yang boleh melahirkan berbagai-bagai sikap seperti kepercayaan, kehendak dan ketentuan ...

(Nor Hashimah, 2003, p. 47).

Pengkaji juga mendapati bahawa andaian daripada maklumat baharu ini mengukuhkan lagi andaian yang sedia ada dalam data (3) tadi. Dalam TR, hal ini sejajar dengan proses penguatan maklumat apabila andaian awal pendengar dapat dikuatkan dengan maklumat baharu penutur. Maklumat awal dapat disahkan dan ternyata betul untuk membentuk kesan konteks yang baik. Semua ini berguna kepada pendengar untuk membantu melaksanakan proses interpretasi makna yang sebenarnya.

Jadi, jelaslah data (3) di atas, iaitu “Pelabuhan Kebudayaan Peradaban Zaman” mengungkapkan makna yang lebih bermanifestasi dan difahami setelah analisis TR dilakukan.

Data 4: Analisis TR dalam BF Metafora “Budi Yang Diapungkan di Dulang Ilmu”, (Sajak “Guru O Guru”)

Sajak “Guru O Guru” ini (sila rujuk Lampiran), merupakan sajak UA yang diabadikan khas untuk para guru. Baris-baris sajak ini mudah difahami tetapi pengkaji mendapati terdapat satu baris sajak yang memaparkan BF metafora dan mengandungi makna yang tersirat. Oleh sebab itu, BF metafora ini dapat dirungkaikan maknanya melalui aplikasi TR. Sajak ini memaparkan

BF metafora dalam baris “budi yang diapungkan di dulang ilmu”. Baris ini merupakan data (4). BF metafora dalam data (4) ini adalah daripada gabungan perkataan “dulang” yang bersifat konkrit dan perkataan “ilmu” yang bersifat abstrak. Kajian ini mendapati BF metafora “dulang ilmu” ini sangat mudah diinterpretasikan maknanya setelah analisis TR dilakukan.

Sebelum analisis TR dilakukan dengan lanjut, “budi yang diapungkan di dulang ilmu terlebih dahulu dikategorikan sebagai eksplikatur dan dikemukakan makna bentuk logik seperti yang berikut:

Bil.	Eksplikatur	Bentuk Logik
(4)	Budi yang diapungkan di dulang ilmu	<p><u>Budi</u> - akal, kebijaksanaan; <u>yang</u> - kata hubung ; <u>diapungkan</u> - terkatung, tidak tenggelam di air; <u>di dulang</u> - talam;</p> <p><u>ilmu</u> - pengetahuan, kepandaian (dalam perkara dunia, akhirat, zahir, batin dan lain-lain)</p> <p>(Kamus Elektronik, Dewan Eja Pro, 2009)</p>

Makna pada peringkat logik adalah seperti di atas. Makna bentuk logik ini ialah makna literal yang boleh didapati daripada makna perkamusan. Makna ini mudah dikesan. Menurut Carroll (2008), makna literal sepatutnya mudah untuk difahami berbanding makna figuratif.

Namun begitu, makna pada peringkat ini terhenti setakat itu sahaja ataupun makna bentuk logik pada tahap permukaan sahaja. Di sinilah ilmu pragmatik itu diperlukan untuk mentafsirkan makna yang sebenar kerana di sebalik makna itu terselit makna tersirat. Sekali lagi, kajian ini mengemukakan bahawa hal ini sejajar dengan pandangan Carroll (2008), iaitu pandangan dari sudut pragmatik yang mempunyai beberapa implikasi yang boleh diuji. Satu daripadanya ialah makna literal biasanya berkaitan dengan makna figuratif, dan BF ialah bahasa yang membawa sesuatu makna secara literal tetapi dianggap mempunyai sesuatu makna yang berbeza. Oleh itu, selepas aplikasi TR, makna bentuk logik boleh dikesampingkan. Perhatian seharusnya diberikan kepada makna di sebalik BF metafora tadi kerana teori pragmatik berpegang bahawa kita menerima makna figuratifnya dengan mengambil kira makna literalnya, kemudian menolaknya.

Makna sebenar yang hendak disampaikan oleh UA dalam sajak “Guru O Guru” ini dapat dikesan setelah mengemukakan implikatur, andaian implikatur dan kesimpulan implikatur seperti yang berikut.

Analisis TR		
Data (4) Budi yang diapungkan di dulang ilmu		
implikatur	Andaian implikatur	Kesimpulan Implikatur
Dulang ilmu	Ilmu yang dijaga rapi/ ditadah secara berhati-hati	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru memberikan ilmu dengan ikhlas. 2. Guru tidak mengharapkan balasan. 3. Guru menjaga pelajar seperti menatang minyak yang penuh. 4. Guru menjaga perasaan pelajar. 5. Guru memberikan ilmu dengan berhati-hati, adil tanpa pilih kasih. 6. Ilmu yang diberikan akan memanfaatkan pelajar.

Pengkaji mendapati kesimpulan implikatur di atas tinggi kesahannya apabila mengambil kira andaian implikatur yang dikemukakan di atas. Dalam maklumat ensiklopedik pendengar, biasanya dulang digunakan untuk menghidangkan minuman kepada para tetamu yang berkunjung. Perbuatan *menghidang* biasanya dilakukan dengan ikhlas. Tuan rumah akan membawa dulang berisi minuman dengan penuh hati-hati, takut minuman tumpah dan sebagainya. Minuman diberikan kepada semua tetamu, tanpa pilih kasih. Biasanya makanan yang enak-enak akan turut dihidangkan kepada tetamu. Selain itu, dulang juga digunakan sebagai alas untuk meletakkan hadiah sebelum diberikan kepada penerima. Semua maklumat ini tersimpan sebagai catatan ensiklopedik. Maka, melalui maklumat ini, pendengar sudah terarah untuk mentafsirkan makna sebenar di sebalik BF metafora “dulang ilmu”. TR, andaian atau inferens akan membantu dalam interpretasi makna dengan lebih mudah. Melalui inferens ini tadi, andaian di atas dapat dikemukakan. Pengkaji mendapati, usaha memproses BF metafora data (4) ini juga sangat rendah. Semakin rendah usaha memproses itu, maka semakin tinggilah kesahan ujaran berkenaan. Jadi, BF metafora “dulang ilmu” ini didapati mengandungi makna yang tersirat seperti yang dikemukakan dalam andaian di atas, namun mudah sahaja difahami melalui aplikasi TR.

Kajian ini mendapati, melalui RRS, kehadiran maklumat lain dalam sajak ini sudah dapat memberikan konteks yang diperlukan dan seterusnya menghasilkan kesan konteks yang merupakan andaian awal pendengar tentang maklumat yang relevan dengan dirinya. Maklumat yang dimaksudkan ini ialah baris-baris awal dalam sajak ini sebelum data (4) (sila rujuk lampiran). Dalam TR, baris-baris

ini merupakan ujaran terdahulu, dan TR membenarkan untuk melihat ujaran terdahulu bagi membantu proses interpretasi makna. Ujaran yang dihasilkan adalah dalam bentuk satu kesatuan untuk membantu mengembangkan konteks. Hal ini sejajar dengan pandangan Nor Hashimah (2003) di bawah:

Yang dimaksudkan dengan melihat ke arah ujaran yang terdahulu ialah manusia secara logiknya tidak akan menggunakan ayat tunggal untuk menyampaikan mesej. Kesemuanya dilakukan berdasarkan satu kesatuan atau wacana. Ini penting dilakukan kerana segala ujaran yang dihasilkan akan berguna untuk membantu pendengar mengembangkan konteks pemula yang diberikan oleh penutur ...

Dalam konteks sajak ini, maklumat relevan yang dimaksudkan tadi adalah tentang peranan guru yang banyak berjasa menghasilkan manusia yang berguna. Maka, BF metafora data (4) ini dapat dirungkaikan maksud sebenarnya. Jadi, benarlah kata-kata Sperber dan Wilson (1986), iaitu BF metafora masih mampu difahami maksudnya walaupun melanggar maksim tertentu dalam prinsip kerjasama Grice.

Data 5: Analisis TR dalam BF Metafora “Alangkah Sunyinya Taman Hati Ini”, (Sajak “Kasih dan Rindu”)

Pengkaji meletakkan data (5) (rujuk Lampiran), “Alangkah sunyinya taman hati ini” bawah kategori BF metafora kerana dalam baris itu wujud frasa “taman hati”. Frasa ini merupakan BF metafora kerana perkataan “taman” mengambil sifat konkrit sementara kata “hati” pula bersifat abstrak.

Untuk data (5) ini, kajian ini mendapati eksplikatur dan makna bentuk logik yang hendak dikemukakan adalah seperti yang berikut:

Bil.	Eksplikatur	Bentuk Logik
(5)	Alangkah sunyinya taman hati ini	<i>Alangkah</i> - kata yang melahirkan rasa kagum, hairan dan sebagainya; <i>sunyinya</i> - tidak kedengaran sebarang bunyi (suara), hening, senyap; <i>taman</i> - kebun yang ditanami dengan pelbagai bunga-bunga (untuk bersenang-senang, berehat-rehat), kebun bunga; <i>hati</i> - organ dalam badan yang berwarna perang kemerah-merahan terletak di dalam perut di bahagian sebelah kanan; (Kamus Elektronik, Dewan Eja Pro, 2009)

Makna bentuk logik yang dikemukakan di atas merupakan makna yang dikesan secara bentuk logiknya sahaja. Gambaran peringkat harfiah ini hanya mampu memberikan bentuk logik pada peringkat permukaan ayat sahaja atau peringkat semantikanya. Dalam pragmatik, makna pada peringkat ini mudah difahami kerana seperti yang dinyatakan sebelum ini pandangan dari sudut pragmatik mempunyai beberapa implikasi yang boleh diuji. Satu daripadanya ialah makna literal yang biasanya berkaitan dengan makna figuratif. Makna literal sepatutnya mudah dan cepat untuk difahami berbanding dengan makna figuratif. Oleh itu, makna bentuk logik mudah untuk difahami secara literal, tetapi oleh sebab BF mempunyai makna yang tersirat, maka makna sebenar yang didasari oleh makna bentuk logik secara literal ini tidak mampu difahami maksudnya yang sebenar tanpa dilakukan penginterpretasian yang lebih mendalam. Hal ini sejajar dengan pendapat Hasmidar (2006, p. 130) di bawah:

... Makna yang diberikan ini merupakan makna bentuk logik, iaitu makna literal yang diberikan berasaskan susunan dan hubungan kata dengan kata dalam konteks ayat tersebut. Makna bentuk logik seperti ini nyata tidak dapat memberikan apa-apa penjelasan ...

Selain itu hal ini selaras dengan dua pandangan Nor Hashimah (1992, p. 19) iaitu: Bentuk logik ini melahirkan makna ayat yang diujarkan tetapi banyak meninggalkan ketaksaan dan rujukan yang belum diselesaikan, dan Nor Hashimah (1992, p. 23), iaitu:

Ternyata bentuk logik pada peringkat semantik tidak mampu memberikan makna sebagaimana yang dikehendaki. Bagi membolehkan kita mendapatkan maksud sebenar ayat di atas, maklumat tambahan perlu diberi. Maklumat ini dibekalkan oleh pengetahuan dunia si penutur dan pendengar. Pengetahuan dunia inilah yang melibatkan ilmu pragmatik ...

Oleh sebab makna bentuk logik ini tidak dapat memberikan makna sebenar yang hendak dikemukakan, di sinilah TR diperlukan. Frasa BF metafora ini “Alangkah sunyinya taman hati ini” dapat dikemaskinikan lagi pengertian harfiahnya kerana TR membenarkan proses memikirkan andaian yang bermanifestasi untuk membantu melengkapkan pencarian makna implisit. Setelah analisis gaya bahasa secara eksplisit dilakukan pengkaji, maksud implisit pula akan dapat dikesan. Dengan TR, frasa “Taman Hati” ini sebenarnya mengemukakan perkara yang berikut:

Analisis TR		
Data (5). Alangkah sunyinya taman hati ini		
implikatur	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur
hati	kasih sayang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tiada berteman. 2. Perpisahan telah berlaku. 3. Wujud rasa sayang dan rindu yang mendalam. 4. Wujud kenangan manis.

Pengkaji mendapati data (5) di atas sangat mudah diproses kerana keempat-empat kesimpulan terhadap makna implikatur yang dikemukakan di atas sangat mudah difikirkan dengan keupayaan kognitif yang ada pada pendengar. Walaupun ada keupayaan kognitif bersifat minimum, namun kerana TR membenarkan kaedah RRS diguna pakai, RRS membenarkan kita melihat kewujudan ujaran yang terdahulu untuk mengenal pasti konteks (seberkas andaian) yang paling hampir. Konteks telah dapat dibentuk dan dikembangkan dengan melihat ujaran terdahulu. Dalam konteks kajian ini, ujaran berkenaan ialah baris-baris lain sajak UA. Di samping itu, seperti yang dikemukakan, ujaran yang diujarkan biasanya dalam bentuk satu kesatuan. Kesatuan ini memudahkan interpretasi makna dilakukan. Dalam konteks kajian ini, kesatuan ini juga dapat diperoleh daripada maksud keseluruhan sajak ini yang difahami terlebih dahulu untuk mendapatkan kesan keseluruhan, dibantu dengan maklumat ensiklopedik yang ada pada pendengar.

KESIMPULAN

Melalui analisis TR di atas, jelaslah peranan ilmu pragmatik diperlukan. Ilmu pragmatik khususnya dengan aplikasi TR ini mampu membantu memperoleh makna yang terkandung secara implisit walaupun bukan dalam bentuk ujaran langsung kerana data yang dianalisis merupakan data korpus daripada jenis teks bertulis. Analisis yang dilakukan dengan menentukan eksplikatur, mengesan bentuk logik eksplikatur, dan mencari implikatur daripada eksplikatur berkenaan serta melakukan andaian makna implikatur serta membuat kesimpulan terhadap makna implikatur ini bagi membantu pengesanan makna sebenarnya yang dihajati oleh UA.

Konsep *ad hoc* peluasan juga didapati banyak membantu penginterpretasian makna BF dalam kajian ini menjadi lebih mudah. Hal ini kerana konsep ini memberikan tumpuan pada kehadiran leksikal dalam apa-apa bentuk yang boleh diinterpretasikan. Dalam konteks kajian ini, bentuk yang dimaksudkan ialah penggunaan metafora, termasuk bentuk-bentuk kiasan yang lain dan perlambangan (bukan literal). Pendek kata, perkataan-perkataan yang bukan daripada kategori BF namun menyumbang kepada interpretasi makna dilakukan dengan mudah juga boleh diambil kira dengan adanya konsep *ad hoc* dan RRS.

Pengkaji telah memanipulasi kewujudan leksikal berkenaan dalam interpretasi makna BF yang dijalankan ini berdasarkan acuan TR. Leksikal serta frasa yang wujud dalam BF akan membantu interpretasi makna menjadi lebih mudah. Leksikal serta frasa ini juga dapat digunakan untuk menentukan konteks. Oleh sebab itulah, dengan RRS, kehadiran baris lain atau leksikal lain atau frasa lain dalam sajak, sama ada daripada jenis BF atau bukan daripada jenis BF juga penting. Kehadirannya akan membantu penginterpretasian makna menjadi lebih mudah, dan secara tidak langsung kos memproses makna tersebut juga sangat rendah. Keadaan ini memenuhi tuntutan TR, iaitu semakin rendah usaha memproses sesuatu ujaran itu, dan dalam konteks kajian ini baris-baris BF tadi, maka semakin relevanlah makna yang berkenaan.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (1995). Indirectness as a rule of speaking among the Malays. Zainab Abdul Majid & Loga Baskaran (eds.) *Rules of speaking*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.
- Caroll, D.W. (2008). *Psychology of language*. Canada: Thomson Wadsworth.
- Carston, R. (2002). Metaphor, ad hoc concepts and word meaning – more questions than answers. <http://www.phon.ucl.ac.uk/home/PUB/WPL/02papers/carston.pdf>. [25 November 2009].
- Carston, R. (2007). *Thoughts and utterances – The pragmatics of explicit communication*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Crystal, D. (2006). *How language works*. England: Penguin Books.
- Darus bin Ahmad. (1974). *Persuratan Melayu: Lama-baru*. Pulau Pinang: Sinaran.
- Emeis, M.G. (1975). *Bunga rampai Melayu kuno*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasmidar Hassan. (2006). Kata hubung “dan” dan “tetapi”: Satu analisis perbandingan nahu dan pragmatik. (Tesis Ph.D. tidak diterbitkan). Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Hooykaas, C. (1965). *Perintis Sastra*. Terj. Raihoel Amar Gelar Datoek Besar. 1981. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Jamaliah Mohd Ali. (1995). The pragmatics of cross-cultural communication in a Malaysian context. Zainab Abdul Majid dan Loga Baskaran (eds.). *Rules of speaking*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.
- Junaini Kasdan, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Unsur asam dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Seminar Meja Bulat: Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur* (pp. 1-20). Kuala Lumpur: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin, & Wan Nurazikin Wan Ismail. (2016). Ikan (Pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(1), 31-41.
- Kamus Dewan*. (1997). Edisi ketiga. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. (2015). Edisi keempat. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa*. (2002). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. (1997). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Elektronik Dewan Eja Pro*. 2009. Petaling Jaya. The Name Technology Sdn. Bhd.
- Koveces, Z. (2007). *Metaphor and emotion: Language, culture, and body in human feeling*. New York: Cambridge University Press.
- Maizura Osman & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Metafora kritikan dalam mitos peminangan Puteri Gunung Ledang: Analisis pragmatik. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 11(1), 19 – 46.
- Mary Fatimah Subet & Nor Hashimah Jalaluddin. (Jun 2014). Mengalami dan Menghayati Makna Kemiskinan Melalui Bahasa. *Jurnal Bahasa* 14(1), 28-44.
- Mary Fatimah Subet. (2015). Sajak pelacur tua: Analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa* 15(1), 113-142.
- Mary Fatimah Subet. (2017). Emosi dan ironi dalam puisi Usman Awang: Tafsiran pragmatik. *Jurnal Bahasa* 17(2), 305-333.
- Maslida Yusof. (1999a). Makna bukan literal: Kes metafora dan hiperbola. *Jurnal Dewan Bahasa*, 4-9.
- Maslida Yusof. (1999b). Bahasa ironi: satu analisis teori relevans. Kertas kerja Seminar Sehari Jabatan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 15 Jun.
- Mohd. Taib Osman (ed.). (1977). *Pengajaran bahasa dan kesusasteraan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2003). Penterjemahan bahasa figuratif Arab-Melayu: Satu analisis teori relevans. (Tesis Ph.D. tidak diterbitkan). Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1990, Jun). Semantik dan pragmatik dalam teori relevans. *Dewan Bahasa*, 450-459.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1991. Keimplisitan ujaran: satu analisis teori relevans. *Jurnal Dewan Bahasa* 6, 474-483.

- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan pragmatik: Satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992, Ogos). Implikatur: Satu aspek seni berbahasa orang Melayu. *Dewan Bahasa*, 676-690.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1994). Bahasa jual beli dalam perniagaan runcit: Satu analisis semantik dan pragmatik. (Tesis Ph.D. tidak diterbitkan). Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2003. *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Mary Fatimah Subet & Dayang Sariah Abang Suhai (2013, Jan-Apr.). Siratan makna dan serlahan emosi dalam “Ke Makam Bonda”: satu analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa Brunei*. 28, 55-76.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Pemugaran penyelidikan untuk pemeraksanaan bahasa*. Retrieved from Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia website:http://eseminar.dbp.gov.my/ceramahnj/kertas_kerja_norhashimah_jalaluddin.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Afiqah Wan Mansor. (2015). Deria rasa dalam kiasan Melayu: Analisis semantik inkuisitif. In *Prosiding SLiK 2015: Seminar Linguistik Kebangsaan 2015*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Afiqah Wan Mansor, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Deria rasa dalam kiasan Melayu : Analisis semantik inkuisitif. *Journal Pertanika Mahawangsa*, 2(1), 1-16.
- Nur Afiqah Wan Mansor, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna implisit bahasa kiasan Melayu: Mempertalikan komunikasi, kognisi dan semantik. *Jurnal Komunikasi*, 32(1), 189-206. Retrieved from http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/2016/V32_1_10.pdf
- Puisi-Puisi Pilihan Sasterawan Negara Usman Awang*. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salmah Jabbar. (1999, April). Pentafsiran humor pilihan melalui pendekatan teori relevans. *Jurnal Dewan Bahasa*, 358 – 366.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and Cognition*. (, Oxford: Blackwell.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1999. *Relevans: Komunikasi & kognisi*. Terj. Nor Hashimah Jalaluddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sperber, D. & Wilson, D. 2006. Metaphor, Relevance and the ‘emergent Property’ Issue. <http://www.phon.ucl.ac.uk/home/robyn/Wilson-Carston-Metaphor-2006.pdf> [24 November 2009]
- Sperber, D. & Wilson, D. 2006. Relevancetheory. 2006. [http://www. dan sperber. com/ relevance_theory.htm](http://www.dan.sperber.com/relevance_theory.htm). [24 November 2006]

- Sperber, D. & Wilson, D. 2006. Remarks on relevance theory and the social sciences. <http://dan.sperber.com/rel-soc.htm>. [24 Jun 2006].
- Sperber, D. & Wilson, D. (2012). *Meaning and relevance*. New York: Cambridge University Press.
- Sperber, D. & Wilson, D. (2018). *Relevance theory*. http://www.phon.ucl.ac.uk/publications/WPL/02papers/wilson_sperber.pdf [8 Mac 2018].
- Tan Mek Leng. (1994). Implikatur perbualan: Satu analisis di dalam pertuturan. (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Tendahl, M. dan W.Gibbs, Jr.R. (2008). Complementary perspective on metaphor: cognitive linguistics and relevance theory. *Science Direct Journal of Pragmatics* 40 (2008), 1823-1863.
- Wilkinson, R.J dan Winstedt, R.O. (1957). *Pantun Melayu*. Singapura: Malay Publishing House.
- Wilson, D. dan Carston, R. (2007). Metaphor, relevance and the 'emergent Property'. <http://www.phon.ucl.ac.uk/home/robyn/Wilson-Carston-Metaphor-2006.pdf> [24 November 2009].

Diperoleh (*received*): 9 Mac 2018

Diterima (*accepted*): 4 Mei 2018

LAMPIRAN

Mata Ayah

KUJABAT mesra tangan ayah
urat-urat daging-daging tua keras terasa
mataku tersenyum, matanya menyapa
anak yang pulang disambut mesra.

Tapi matanya, mata yang menatapku
kolam-kolam derita dan pudar bulan pagi
garis-garis putih lesu melingkungi hitam-suram
suatu kelesuan yang tak pernah dipancarkan dulu.

Kelibat senyum matanya masih jua ramah
akan menutup padaku kelesuan hidup sendiri
bagai dalam suratnya dengan kata-kata riang
memintaku pulang menikmati beras baru.

Anak yang pulang di sisi ayahnya maka akulah
merasakan kepedihan yang tercermin di mata
meski kain pelekatnya bersih dalam kesegaran wuduk
dan ia tidak pernah merasa, sebab derita itu adalah dia.
1964

Gadis Kecil

TUBUH itu mengingatkan daku
sebatang pinang di desa sepi
kurus dan tinggi
ketika ribut besar
pohon sekitarnya rebah terkapar
dan pohon pinang tegak menanti
sinar matari pagi

demikianlah gadis kecil itu
kurus seperti sebatang pinang
bertahun berulang-alik melalui
penjara kawat duri menemui
ayahnya yang bertahun pula sendiri
menentang tiap penderitaan
tabah dan beriman.

Gadis kecil itu mengagumkan daku
tenang dan senyuman yang agung,
dengan sopan menolak pemberianku
“saya tak perlu wang, pak cik,
cukuplah kertas dan buku”.

Usianya terlalu muda
jiwanya didewasakan oleh pengalaman
tidak semua orang mencapai kekuatan demikian
ketabahan yang unik, mempesonakan.

Bila aku menyatakan simpati dan dukaku
rasa pilu terhadapnya
sekali lagi dia tersenyum dan berkata:
“jangan sedih, pak cik, tabahkan hati
banyak anak-anak seperti saya di dunia ini.”

Aku jadi terpaku
dia, si gadis kecil itu pula menenteramkan
mengawal ombak emosiku
jangan sedih melihat derita pahitnya.
Alangkah malunya hati seorang lelaki dewasa
yang mahu membela manusia derita terpenjara
menerima nasihat supaya tabah dan berani,
dari anak penghuni penjara itu sendiri.

Sepuluh anak seperti dia
akan menghapuskan erti seribu penjara.
1976

Perpustakaan

PERPUSTAKAAN tercinta ini,
pelabuhan kebudayaan peradaban zaman,
gedung akal laut bicara manusia,
mutiara pendeta tasik pujangga,
kota kebenaran penaung kebebasan ucap suara,
Dari ruang ini bersinar keagungan pemikiran,
menghayati teluk-liku zaman demi zaman
tanpa prasangka apa tanpa batas benua,
kekal bersama angin yang mengusapi,
abadi bersama langit yang memayungi,
dikeramatkan untuk anda menghirup segala

Di perpustakaan tercinta ini.
1982

Guru O Guru

BERBURU ke padang datar
Dapat ruas belang kaki
Berguru kepalang ajar
Ibarat bunga kembang tak jadi
(dedikasi keapda Hari Guru dan guruku tercinta)

Dialah pemberi paling setia
Tiap akar ilmu miliknya
Pelita dan lampu segala
Untuk manusia sebelum menjadi dewasa.

Dialah ibu dialah bapa juga sahabat
Alur kesetiaan mengalirkan nasihat
Pemimpin yang ditauliahkan segala umat
Seribu tahun katanya menjadi hikmat.

Jika hari ini seorang Perdana Menteri berkuasa
Jika hari ini seorang Raja menaiki takhta
Jika hari ini seorang Presiden sebuah negara
Jika hari ini seorang ulama yang mulia
Jika hari ini seorang peguam menang bicara
Jika hari ini seorang penulis terkemuka
Jika hari ini siapa saja menjadi dewasa
Sejarahnya dimulakan oleh seorang guru biasa
Dengan lembut sabarnya mengajar tulis-baca

Di mana-mana dia berdiri di muka muridnya
Di sebuah sekolah mewah di Ibu Kota
Di bangunan tua sekolah Hulu Terengganu
Dia adalah guru mewakili seribu buku;
Semakin terpenciluduknya di ceruk desa
Semakin bererti tugasnya kepada negara

Jadilah apa pun pada akhir kehidupanmu, guruku
Budi yang diapungkan di dulang ilmu
Panggilan keramat “cikgu” kekal terpahat
Menjadi kenangan ke akhir hayat.
1979

Kasih dan Rindu

ADIK,

Dalam cinta memeluk rasa,
Meniti rindu di kalbu sunyi,
Mencari tapak berpijak kasih,
Ke angin lalu memohon pesan.

Untukmu, adik,
Kusampaikan bisik hati merindu,
Yang menikam rongga hatiku,
Sejak kita berpisah menyiksa batinku.
Alangkah sunyinya taman hati ini,
Lengang dalam wajah membisu,
Dan pada kesepian begini, adinda,
Kenangan kepadamu manis menjelma.

Masih terasa lagi panas nafasmu,
Dalam dakapan ketika berpisah dulu,
Tangan yang membelai di rambutku,
Terasa nikmat pada kasih piatu.

Ibu marah tanda sayang,
Orang jemu tampaklah benci,
Anak merajuk hatinya manja,
Abang rindu kemuncaknya cinta.
1953